



**BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA,
JABATAN PENDAFTAR,
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH,
26600 PEKAN,
PAHANG DARUL MAKMUR**

Kumpulan Pengurusan dan Profesional

Jumlah Kekosongan Jawatan - **KONTRAK : 2**

Penempatan Jawatan: PUSAT SUMBER PENGAJARAN & E-PEMBELAJARAN, UMPSA PEKAN

PEREKA GRED B41/B44

Tangga Gaji RM2,095.00 (Minimum) - RM9,587.00 (Maksimum)

Kelayakan:

KELAYAKAN:

1. Calon bagi lantikan hendaklah mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti serta memiliki kelayakan seperti berikut:

(a) warganegara Malaysia;

(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan

(c) (i) ijazah sarjana muda dalam bidang animasi, komunikasi massa, multimedia, pengajian media, grafik komunikasi, fotografi, penyiaran atau perfileman atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B41: RM2,095.00); atau

(ii) ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang animasi, komunikasi massa, multimedia, pengajian media, grafik komunikasi, fotografi, penyiaran atau perfileman atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B41: RM2,302.30).

2. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon yang memiliki kelayakan di perenggan (c) (i) dan (c) (ii), hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

KEUTAMAAN KEPADA CALON YANG MEMPUNYAI KEMAHIRAN DAN PENGETAHUAN SEPERTI BERIKUT:

1. Berpengetahuan dan berkeupayaan dalam penggunaan alat dan teknologi pembelajaran digital

- Adobe Photoshop/ Illustrator

- Aplikasi Screencast (Screencast-o-matic, PowerPoint, Camtasia, Jing)
- Aplikasi video sunting (Adobe Premier Pro/Final Cut Pro, Filmora)
- eLearning authoring tools: Adobe Captivate, Articulate 360/Storyline 360
- Aplikasi video animasi secara talian
- Sistem Pengurusan Pembelajaran (LMS)
- ePortfolio tools: Google Site, Pathbrite.

2. Berpengetahuan dan berpengalaman dalam Open Course Ware (OCW), Open Education Resource (OER), Micro-Credential (MC), Massive Open Online Course (MOOC), pembelajaran jarak jauh secara dalam talian, pembangunan kursus secara dalam talian atau lain-lain yang berkaitan.

KEMAHIRAN :

- Pengetahuan pengaturcaraan HTML dan Flash asas
- Kemahiran menulis dan menyunting teks pengajaran, skrip audio dan video yang baik dalam Bahasa Melayu & Bahasa Inggeris
- Kemahiran asas dalam merancang pelajaran dan kurikulum bagi bahan instruksional
- Berkemahiran dalam Penghasilan reka bentuk grafik yang menarik secara visual

SIKAP YANG DIMILIKI OLEH CALON:

1. Komited dengan tugas
2. Berdisiplin
3. Dapat bekerja dibawah pengawasan yang minimum

PENETAPAN GAJI PERMULAAN

Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik UMPSA berasaskan pengalaman kerja atau kemahiran berkaitan.

SYARAT-SYARAT UMUM

Pemohon-pemohon yang memohon jawatan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat dalam skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

TARAF JAWATAN

Jawatan akan dilantik secara Tetap / Kontrak.

UMUR PADA TARIKH TUTUP IKLAN

Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan dan berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

CARA MEMOHON

Permohonan hendaklah dibuat secara atas talian dengan mengisi maklumat pemohon di laman web UMPSA, [E-recruitment UMPSA](#)

PERMOHONAN OLEH PEGAWAI YANG SEDANG BERKHIDMAT

Pegawai yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, Badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing dengan menyertakan salinan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan tiga (3) tahun terakhir, salinan Kenyataan Perkhidmatan yang terkini dan ulasan majikan sama ada menyokong atau tidak permohonan selaras dengan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012, Para 18. Sila hantarkan ke alamat berikut :

BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

JABATAN PENDAFTAR

CANSELERI TUN ABDUL RAZAK

UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH

26600 PEKAN

PAHANG DARUL MAKMUR

(U/P : Unit Perjawatan Pentadbiran/Unit Perjawatan Akademik)

CATATAN AM

- (a) Hanya permohonan yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga melalui e-mel yang telah berdaftar dengan UMPSA.
- (b) Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 bulan daripada tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
- (c) Pemohon yang pernah membuat permohonan pada iklan-iklan yang lalu dinasihatkan mengemukakan semula permohonan jika masih berminat dan layak.

PERMOHONAN ATAS TALIAN

TARIKH BUKA : 18/10/2023

TARIKH TUTUP : 01/11/2023